

Bil. S 21

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH PEKERJAAN (PINDAAN), 2020

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pindaan bab 72 dari S 60/2010

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PEKERJAAN (PINDAAN), 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pekerjaan (Pindaan), 2020 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 9hb Mac 2020.

Pindaan bab 72 dari S 60/2010

2. Bab 72 dari Perintah Pekerjaan, 2009 adalah dipinda, dalam ceraiian (1) —

(a) dengan memotong noktah dari baris akhir dan menggantikannya dengan noktah bertindih;

(b) dengan menambah proviso yang berikut —

“Dengan syarat bahawa Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, jika difikirkannya adalah bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian, menetapkan suatu tempoh yang berlainan yang berkaitan dengannya mana-mana pekerja telah bekerja dengan seseorang majikan bagi maksud ceraiian ini; dan pemberitahuan itu hendaklah berkuat kuasa sehingga dibatalkan oleh Menteri”.

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1441 bersamaan dengan 1 haribulan April, 2020 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**